

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 22 OGOS 2017

MUKA SURAT: 07



AHMAD BASHAH MD. HANIPAH mendengar taklimat daripada Izham Yusoff (kiri) mengenai projek PPR dalam majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat Ayer Hitam di Kedah, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

BDB Synergy bina 630 unit rumah teres setingkat PPR Ayer Hitam

Oleh ZULQURNAIN OTHMAN
zulqurnain.othman@utusan.com.my

JERLUN 21 Ogos - Anak syarikat Kumpulan Bina Darulaman Berhad (BDB), BDB Synergy Sdn. Bhd. (BDB Synergy) akan membina 630 rumah teres setingkat bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ayer Hitam dekat sini hari ini.

Pengarah Urusan Kumpulan BDB, Datuk Izham Yusoff berkata, projek perumahan tersebut yang bernilai RM100 juta itu akan dibina di kawasan seluas 25 hektar.

Menurutnya, projek perumahan tersebut yang dibangunkan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dijangka mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan.

"Pembinaan projek PPR Ayer Hitam itu mencerminkan usaha Kumpulan BDB menerusi BDB Synergy dalam membantu kerajaan dalam membangunkan rumah mampu milik bukan sahaja di kawasan Jerlun malah di seluruh negeri Kedah," katanya dalam majlis pelancaran projek PPR Ayer Hitam, di sini hari ini.

Majlis pelancaran projek PPR Ayer Hitam itu disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim.



AHMAD BASHAH MD. HANIPAH mengendalikan jentera menyempurnakan majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat Ayer Hitam di Kedah, semalam. Turut hadir Izham Yusoff (kanan).

Izham memberitahu, rumah teres setingkat yang mengandungi tiga bilik tidur dan dua bilik air itu menawarkan keluasan tanah seluas 1,300 kaki persegi serta keluasan rumah sebanyak 700 kaki persegi.

"Sebuah dewan serba guna yang mampu memuatkan 400 orang tetamu, surau dapat menampung seramai 200 jemaah serta taska turut dibangunkan di tapak projek perumahan terse-

but," katanya.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, pembangunan projek PPR Ayer Hitam itu merupakan salah satu lambang dan tanda aras kepada keprihatinan Kerajaan Pusat dan negeri dalam membantu rakyat di negeri ini memiliki rumah sendiri.

"Jumlah kos keseluruhan PPR di Kedah adalah sebanyak 704 juta membabitkan 3,228 unit rumah," katanya.